

|             |                                     |            |         |
|-------------|-------------------------------------|------------|---------|
| Headline    | TNB umum perubahan pada masa sesuai |            |         |
| MediaTitle  | Kosmo                               |            |         |
| Date        | 15 Mar 2019                         | Language   | Malay   |
| Circulation | 155,996                             | Readership | 467,988 |
| Section     | Niaga                               | Page No    | 45      |
| ArticleSize | 113 cm <sup>2</sup>                 | Journalist | N/A     |
| PR Value    | RM 8,831                            |            |         |
|             |                                     |            |         |



## TNB umum perubahan pada masa sesuai

**KUALA LUMPUR** - Tenaga Nasional Bhd. (TNB) akan membuat pengumuman rasmi berhubung perubahan dalam kepimpinannya apabila tiba masa yang sesuai.

“Selaras dengan amalan syarikat, sebarang kenyataan penting mengenai perubahan dalam kepimpinan TNB atau sebarang perkara yang boleh/ akan mempengaruhi syarikat akan dikeluarkan secara rasmi pada masa yang sesuai,” menurut syarikat utiliti itu menerusi satu kenyataan yang dikeluarkan semalam.

Ia dikeluarkan selepas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) TNB, Datuk Seri Azman Mohd. dilaporkan telah diminta untuk me-

lepaskan jawatannya.

Menurut laporan yang memetik sumber yang rapat dengan TNB, Azman telah diberikan notis untuk melepaskan jawatannya Jumaat lepas, meskipun menerima lanjutan kontrak pada 1 Julai 2018.

Azman memegang beberapa jawatan penting sejak menyertai TNB pada 1979 sebagai jurutera elektrik di pejabat daerah sebelum menjadi pengurus besar negeri.

Beliau kemudiannya dilantik sebagai Pengurus Besar Kanan TNB (Wilayah Operasi 2), Naib Presiden Pembahagian sebelum dilantik sebagai Presiden/CEO TNB pada Julai 2012. - Bernama